

# PERANAN PENGANTARAAN KEADILAN INTERAKSIONAL DALAM HUBUNGAN ANTARA PERSEPSI SOKONGAN ORGANISASI DAN PERTUKARAN PEMIMPIN-PENGIKUT KEATAS KEPUASAN KERJA SUKARELAWAN DALAM ORGANISASI BUKAN KEUNTUNGAN DI MALAYSIA

## *THE MEDIATING ROLE OF INTERACTIONAL JUSTICE IN THE RELATIONSHIP BETWEEN PERCEIVED ORGANISATIONAL SUPPORT AND LEADER-MEMBER EXCHANGE ON VOLUNTEER JOB SATISFACTION IN MALAYSIA NON-PROFIT ORGANIZATIONS*

Abdull Suki Hamat<sup>1</sup>  
Razli Che Razak<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Malaysia Kelantan. Email: abdsuki@gmail.com

<sup>2</sup> Universiti Malaysia Kelantan. Email: razlicr@umk.edu.my

### Article history

Received date : 27-3-2024

Revised date : 28-3-2024

Accepted date : 2-5-2024

Published date : 6-6-2024

### To cite this document:

Hamat, A. S., & Che Razak, R. (2024). Peranan pengantaraan keadilan interaksional dalam hubungan antara persepsi sokongan organisasi dan pertukaran pemimpin - pengikut keatas kepuasan kerja sukarelawan dalam organisasi bukan keuntungan di Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 9 (55), 101 - 122.

**Abstrak:** Kesan kekurangan motivasi sukarelawan menyebabkan komuniti organisasi bukan keuntungan (NPO) di Malaysia terpaksa berdepan dengan masalah kelunturan semangat pekerja, kadar pusingganti yang tinggi, dan seterusnya kekurangan sokongan serta penyertaan sukarelawan. Justeru, penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara persekitaran kerja (faktor organisasi) iaitu persepsi sokongan organisasi (POS) dan pertukaran pemimpin-pengikut (LMX) mempengaruhi kepuasan kerja sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia. Menggunakan teori pertukaran sosial (SET), penyelidikan ini mengkaji kesan POS dan LMX terhadap kepuasan kerja sukarelawan (JS) dengan keadilan interaksi (IJ) sebagai pengantara. Pendekatan kuantitatif dan teknik tinjauan keratan rentas digunakan untuk mengumpul data daripada lima komuniti NPO di Malaysia. Seramai 127 sukarelawan di Malaysia yang mengambil bahagian dalam penyelidikan ini telah dikumpul dan dianalisis dengan SmartPLS 3.2.8 untuk menguji hipotesis. Hasil penyelidikan menunjukkan pembolehubah tidak bersandar (POS dan LMX) mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembolehubah bersandar (kepuasan kerja sukarelawan) dalam komuniti NPO di Malaysia. Pada masa yang sama, keadilan interaksi mempengaruhi pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Penemuan ini mengesahkan penyelidikan lepas serta menyumbang pengetahuan baharu tentang kesan hubungan persekitaran kerja terhadap tingkah laku sukarelawan, khususnya berkaitan pengaruh keadilan interaksi dalam hubungan antara POS dan LMX terhadap kepuasan kerja sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia. Justeru,

*penemuan penyelidikan ini akan membantu pengurusan komuniti NPO untuk merancang strategi pengkalan sukarelawan mereka bagi menjamin kelestarian komuniti NPO di Malaysia.*

**Katakunci:** *Keadilan interaksi, teori pertukaran sosial, persepsi sokongan organisasi dan pertukaran pemimpin-pengikut, kepuasan kerja sukarelawan, organisasi bukan keuntungan.*

**Abstract:** *A lack of volunteer motivation has forced the non-profit organization (NPO) community in Malaysia to face the problem of employee spirit fading, high turnover rates, and consequently a lack of volunteer support and participation. Therefore, this study was conducted to examine the relationship between work environment influencing volunteer job satisfaction in the NPO community in Malaysia. Using social exchange theory (SET), this study examined the effects of perceived organizational support (POS) and leader-member exchange (LMX) on volunteer job satisfaction (JS) with interactional justice (IJ) as a mediator. A quantitative approach and cross-sectional survey techniques were applied to collect data from five NPO communities in Malaysia. A total of one hundred and twenty-seven volunteers in Malaysia who participated in this study were collected and analyzed with SmartPLS 3.2.8 to test the hypothesis. The results showed that the independent variables (POS and LMX) had a significant effect on the dependent variables (volunteer job satisfaction) in the NPO community in Malaysia. At the same time, interactional justice affects the independent variable against the dependent variable. These findings confirm the previous study as well as contribute new knowledge on the impact of work environment relationships on volunteer behavior, particularly regarding the influence of interactional justice in the relationship between POS and LMX on volunteer job satisfaction in the NPO community in Malaysia. These results will help managers in the community NPOs plan their volunteer retention strategies, reduce high turnover rates, and attract new volunteers.*

**Keywords:** *Interactional justice, social exchange theory, perceived organizational support, leader-member exchange, volunteer job satisfaction, non-profit organizations.*

---

## **Pengenalan**

Secara global kewujudan NPO memberi sumbangan terutamanya dalam bidang kesihatan, pendidikan, keagamaan, kemasyarakatan, kemanusiaan, persekitaran dan kebudayaan (Nawal, Siti Aqilah & Roshayani, 2020; Nur Hayati dan Noor Hazlina, 2022). Dalam masa yang sama sumbangan NPO menjurus kepada sektor ketiga yang merupakan cabang ekonomi dikenali sebagai penyumbang perkhidmatan, rangkaian kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial (Dal Corso, Carluccio, Buonomo, Benevene, Vecina dan West, 2019; Mahamud, Arshad, Ismail dan Nair, 2021).

Di Malaysia, NPO telah menunjukkan pertumbuhan sepanjang dekad yang lalu (Nurul Hidayana, 2017). Namun kebanyakannya tidak berupaya mendapatkan sumber yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti harian (Rafiqah Irahayu et al., 2016; Nur Hayati & Noor Hazlina, 2022). Terdapat NPO yang terlibat dengan pemotongan pembiayaan dan pengurangan sumbangan daripada pihak kerajaan (Nurfarahin, Roshayani dan Nur Farahah, 2017; Ahn, 2018), juga kekurangan kerjasama dan sokongan daripada pemegang taruh (Nur Hayati dan Noor Hazlina, 2021). Kesan pengurangan pembiayaan dan sumbangan sukarela menyebabkan NPO terpaksa berdepan dengan beberapa halangan seperti; kadar pusingganti yang tinggi,

kelunturan semangat pekerja, pembiayaan yang terhad, masalah pengurusan pekerja, dan kekurangan sumber dan peluang untuk benefisiari (Amrizah dan Siti Zafirah, 2019). Manakala kadar pusingganti yang tinggi menjejaskan keberkesanan dan keberhasilan misi NPO, seterusnya terpaksa berdepan dengan beberapa cabaran seperti kekurangan sokongan sukarelawan, pengetahuan, kemahiran, dan sumber (Nurul Hidayana, Siti Hajar & Mohd Awang, 2016; Paula, Ilaria & Michael, 2020).

Selain daripada kesan pengurangan pembiayaan, kekurangan motivasi dan bersikap individualistik (Clary & Snyder, 1999), mementingkan ganjaran ketara (Azizan, 2016), tidak sanggup melakukan aktiviti di kawasan kekurangan kemudahan awam (Tuan Pah & Lilah Yasin, 2016), tidak wujud keserasian antara sukarelawan dan organisasi, dan dikalangan ahli kumpulan, termasuk keadaan persekitaran sosial yang tidak menyenangkan (Veerasingam, Sambasivan dan Kumar, 2015), serta terikat dengan kerja harian dan tanggungjawab keluarga (Radiah, Norli, Normah dan Rashidah, 2012) menyebabkan semangat kesukarelawanan semakin luntur dan seterusnya menarik diri dari perkhidmatan (Bang, Bravo, Mello, & Mezzadri, 2019).

Sementara itu, para penyelidik telah memperkenalkan berbagai polisi dalam memberi tumpuan untuk memahami motivasi kesukarelawanan dan memastikan kelestariannya (Nurul Hidayana, 2017; Kim, Park, Kim, & Kim, 2019). Justeru itu, penyelidikan lepas menunjukkan faktor motivasi daripada perspektif sosiologi telah mempengaruhi sukarelawan terlibat dalam kerja-kerja sosial seperti; pendidikan kesihatan, agama, sukan dan perkhidmatan sosial. (Usadolo, 2016). Sebaliknya, daripada perspektif psikologi, motivasi sukarelawan memainkan peranan penting mendorong penglibatan, komitmen dan prestasi mereka dalam NPO (Alfes, Antunes & Shantz, 2017). Namun di Malaysia, penyelidikan lepas didapati tidak mengaitkan motivasi sukarelawan dengan faktor organisasi yang bersifat psikologi seperti POS dan LMX (cth; Zulhaimi, Halim, & Hanefar, 2019; Nur Aishah, Turiman, Ismi & Siti Raba'ah, 2018; Johari, Shahabuddin & Ahmad, 2022). Sedangkan kontrak psikologi antara sukarelawan dan pemimpin (cth; POS dan LMX) memainkan peranan penting menentukan pengekal dan keberkesanan sukarelawan dalam mencapai misi organisasi (Nicholas, 2013).

Di Malaysia, Nurul Hidayana, Siti Hajar & Mohd Awang (2016), manakala diperingkat global, Paula, Ilaria & Michael (2020) menyatakan kebanyakan NPO menghadapi beberapa cabaran seperti; a) kekurangan sokongan sukarelawan, pengetahuan, dan kemahiran. b) kelemahan dalam struktur tadbir urus, peraturan, dan amalan perakaunan. c) sumber yang terhad. Umpamanya di Malaysia, hanya 2% daripada jumlah penduduk berumur 40 tahun keatas berminat untuk menjadi sukarelawan berbanding 7% di Kanada (JPM, 2021). Di Asia, hanya 20% daripada jumlah penduduk yang terlibat dalam kesukarelawanan (Tan, Lopez, Tam, Ng & Goh 2020). Manakala di Amerika, penyertaan sukarelawan telah menurun daripada 29.0% kepada 25.4% dalam tempoh 10 tahun (Paweł & Piotr, 2021).

Kelestarian komuniti NPO akan terjejas apabila wujud masalah kekurangan sokongan sukarelawan (Nur Hayati dan Noor Hazlina, 2022) yang memberi kesan kepada pengekal mereka, kecekapan, kemahiran dan produktiviti dalam organisasi (Jonathan, 2017). Pernyataan tersebut telah menimbulkan persoalan apakah faktor yang mempengaruhi masalah pengekal sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia, dan bagaimanakah kaedah penyelesaiannya? Justeru, kejayaan mengekalkan sukarelawan bergantung kepada faktor sejauh mana isu-isu mengenai hubungan tempat kerja dan memenuhi motivasi mereka mampu ditangani secara signifikan oleh pengurusan organisasi (Bang et al., 2019; Martin, Slavich, dan Gellock, 2019;

Kim et al., 2019; Tan et al., 2020). Manakala, keberhasilan tempat kerja boleh meningkatkan tahap keberhasilan kerja seperti kepuasan kerja (Dolnicar & Randle, 2007; Usadolo & Usadolo, 2019; Usadolo & Usadolo, 2021), dan mampu mengatasi persaingan mendapatkan sukarelawan dalam NPO (Engelberg, Zakus & Skinner, 2007).

Selanjutnya, penyelidikan terhadap pengurusan organisasi NPO dan swasta mendedahkan pengalaman hubungan tempat kerja yang positif seperti sokongan berkualiti tinggi daripada organisasi dan penyelia (cth; POS dan LMX) adalah korelasi positif keatas kepuasan kerja (Boezeman dan Ellemers, 2014; Muhammad Naveed, 2019; Astuty dan Udin, 2020; Fera, Laura, Hendra dan Tedi, 2021), dan seterusnya meningkatkan kadar pengekalan tenaga kerja dan sukarelawan khususnya dalam organisasi NPO (Usadolo dan Usadolo, 2019; Usadolo dan Usadolo, 2020; Barbieri et al., 2018; Jonathan, 2017; Bang, Ross & Reio 2013; Clary & Snyder, 1999). Manakala, kesan positif pengantaraan motivasi khususnya keadilan interaksional sukarelawan keatas hubungan antara POS dan LMX dengan kepuasan kerja akan meningkatkan keberhasilan tempat kerja (Usadolo, 2016; Sofiah, Mumtaz dan Ramayah, 2018).

Oleh itu, objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menentukan sejauh mana keadilan interaksional (IJ) mempengaruhi tingkah laku psikologi sukarelawan dalam NPO, kerana tidak diketahui sama ada pengantaraan keadilan interaksional mempengaruhi atau tidak hubungan antara persepsi sokongan organisasi (POS) dan pertukaran pemimpin-pengikut (LMX) keatas kepuasan kerja (keberhasilan kerja) dalam konteks komuniti NPO di Malaysia.

## Latarbelakang Teoritikal Dan Sorotan Literatur

### Teori Pertukaran Sosial (SET)

Homans (1961) mendefinisikan teori pertukaran sosial (SET) sebagai hubungan komoditi yang merupakan satu cara untuk memenuhi keperluan manusia sebagai ketara atau tidak ketara antara dua atau lebih individu. Hubungan ini boleh membawa kepada ketidaksamaan untuk semua pihak, ada yang mendapat ganjaran dan sebaliknya (Cropanzano et al., 2017), kerana tidak ada kejelasan dalam perjanjian antara mereka yang terlibat (Usadolo, 2016). Stafford & Kuiper (2021) mentakrifkan SET sebagai hubungan antara individu berdasarkan pemahaman bersama dan norma timbal balik. FitzPatrick (2019) menggambarkan pertukaran sosial sebagai hubungan yang melibatkan jangkaan penentuan ganjaran timbal balik daripada orang lain. Oleh itu, hubungan boleh berlaku dalam bentuk perbincangan, pertolongan, bantuan, kasih sayang, kewangan, barangan, atau perkhidmatan (Cropanzano & Mitchell, 2005). Blau (1964) berpendapat individu mungkin terpenggil untuk menimbabalas (reciprocate) apabila mereka menerima gambaran positif, atau sebarang faedah sebagai balasan terhadap sumbangan mereka. Salah satu penentu tindakan hubungan yang terdapat dalam literatur ada lah berdasarkan bagaimana individu menilai ganjaran yang mereka perolehi (cth; Blau, 1964).

Manakala SET adalah kerangka teori yang digunakan dalam psikologi organisasi dan pengurusan sumber manusia untuk menjelaskan keberhasilan tempat kerja, dan keberkesanan interaksi timbalbalas antara pengurusan, penyelia, dan pekerja (Usadolo, 2016). Dalam masa yang sama interaksi timbal balas mempunyai potensi penjanaan hubungan berkualiti tinggi dalam menentukan persekitaran tempat kerja yang positif (Cropanzano & Mitchell, 2005). Memandangkan POS dan LMX merupakan konstruk SET dan manifestasi pengurusan dalam konteks hubungan antara sukarelawan dan komuniti NPO (Wayne, Shore & Liden, 1997; Usadolo, 2016). Maka, dalam penyelidikan ini, andaian motivasi sukarelawan dari perspektif

psikologi untuk kekal dalam organisasi, berdasarkan pengaruh POS dan LMX terhadap kepuasan kerja (JS) melalui pengantaraan keadilan interaksi sukarela (IJ) diketengahkan.

### **Kepuasan Kerja (JS)**

Kepuasan kerja merupakan kepuasan terhadap kerja yang dilakukan (Eva, Tatiana dan Monika, 2022), dan sebagai elemen penting dalam kejayaan organisasi (Staniec dan Kalińska-Kula, 2021). Kepuasan kerja menggambarkan psikologi organisasi dalam kalangan pekerja kerana ia berkait secara positif dengan produktiviti dan negatif terhadap ketidakhadiran di tempat kerja (Lo Presti, 2013). Manakala Locke (1976) menyatakan bahawa kepuasan kerja adalah keadaan emosi yang menyeronokkan hasil daripada persepsi pekerja untuk memenuhi nilai tugas dan pemberian nilai yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Selain itu, kepuasan kerja sebagai pembolehubah sikap yang menggambarkan perasaan individu tentang kerja mereka (Chiboiwa, Chipunza & Samuel, 2011; Samuel, Osinowo & Cipunza, 2009), melibatkan refleksi tentang pengalaman masa kini dan masa lalu terhadap persekitaran kerja (Locke, 1976).

Persepsi sukarelawan terhadap kepuasan kerja adalah berdasarkan memenuhi motivasi yang mendorong mereka mengambil bahagian dalam kerja sukarelawan (Usadolo, 2016). Manakala kepuasan kerja sukarelawan dicirikan sebagai tahap sokongan yang diberikan oleh organisasi terhadap memenuhi motivasi mereka (Jimenez dan Fuertes, 2005). Oleh itu, tahap kepuasan kerja sukarelawan bergantung kepada bagaimana organisasi memenuhi motivasi mereka (Usadolo, 2016). Penyelidikan lepas telah mengenal pasti kepuasan kerja sukarelawan sebagai keberhasilan daripada pengalaman mereka (Cuskelly, Hoye dan Auld, 2006) yang dikaitkan dengan masa yang dihabiskan, tempuh perkhidmatan, dan hasrat untuk terus berkhidmat sebagai sukarelawan (Finkelstein, 2007). Sukarelawan menilai pengalaman berdasarkan persepsi, apabila didapati wujud percanggahan terhadap persepsi, menyebabkan timbulnya rasa ketidakpuasan kerja, dan akhirnya mereka meninggalkan organisasi (Usadolo, 2016).

### **Persepsi Sokongan Organisasi (POS)**

POS merupakan konstruk SET untuk menjelaskan hubungan tempat kerja, dirujuk sebagai sokongan yang diberikan oleh organisasi kepada pekerjanya (Fei dan Aun, 2018). Terma POS berdasarkan persepsi pekerja menilai bagaimana organisasi menghargai sumbangan serta mengambil berat tentang mereka (Aselage dan Eisenberger 2003). Justeru itu, organisasi perlu mempamerkan ciri-ciri kemanusiaan melalui pengurusannya dalam bentuk kuasa yang membolehkan mereka membangun polisi dan prosedur untuk mengawal dan membimbing tingkah laku sukarelawan (Usadolo, 2016). Memenuhi keperluan sosio-emotional oleh organisasi akan meningkatkan keseluruhan kepuasan kerja dan komitmen afektif pekerja (Rhoades dan Eisenberger, 2002). Justeru itu, bagaimana organisasi melayan, menghormati dan menghargai sumbangan pekerjanya, merupakan indikator memenuhi obligasinya kepada pekerja (Eisenberger, Fasolo dan Davis-LaMastro, 1990), dan boleh menimbulkan mood positif untuk mencapai objektif (Rhoades, Eisenberger dan Armeli, 2001), serta meningkatkan semangat perpaduan dalam organisasi (Addae, Parboteeah dan Davis, 2006).

Dalam konteks organisasi NPO, majikan dan sukarelawan sentiasa menilai kesetiaan bersama (Usadolo, 2016). Manakala dari perspektif organisasi, pekerja yang berdedikasi dan setia akan menilai secara positif keatas komitmen organisasi (cth; hormat, bayaran, pengiktirafan, pengayaan kerja, keperluan sumber, dan akses kepada maklumat) akan komited kepada, dan meningkatkan tahap prestasi dan hasrat kekal, serta mengurangkan ketidakhadiran dalam organisasi (Meyer dan Allen, 1991; Rhoades dan Eisenberger, 2002; Shore dan Shore, 1995; Brunetto, Xerri, Shriberg, Farr-Wharton, Shacklock, Newman dan Dienger, 2013; Syahrul,

2018; Hidayat, Fahmy, Sari, Mergeresa dan Fernando, 2021). Justeru itu, sorotan literatur keatas penyelidikan terdahulu menunjukkan POS berkualiti tinggi mempunyai pengaruh dan kesan keatas kepuasan pekerja (Newman & Sheikh, 2012; Mabasa, Ngirande & Shambare, 2016), dan hubungan penyelia-pekerja (Wayne, Shore & Liden, 1997)

### **Pertukaran Pemimpin dan Pengikut (LMX)**

LMX merupakan teori yang paling menonjol menangani hubungan dua hala antara pemimpin dan pekerja mereka (Dansereau, Graen & Haga, 1975; Pellegrini et al., 2010). Berdasarkan teori LMX, pemimpin menilai pekerja mereka berdasarkan pelbagai parameter seperti; persetujuan, kecekapan, kesedaran, lokus kawalan, *neuroticism*, *extraversion*, keterbukaan, dan kesan positif dan negatif (Erdogan & Liden, 2002; Dulebohn et al., 2012). Sebaliknya, pemimpin dinilai berdasarkan *contingent reward behavior*, kepimpinan transformasi, jangkaan pengikut, persetujuan, dan kesatuan (Judge & Piccolo, 2004; Bedi et al., 2015).

Terdapat beberapa faedah LMX berkualiti tinggi kepada pengikut seperti; keutamaan layanan, peningkatan komunikasi berkaitan kerja, kelebihan peruntukan ganjaran formal dan tidak formal, akses tanpa had kepada penyelia, meningkat maklum balas berkaitan prestasi, tahap sokongan bersama, kepercayaan dan penghormatan (Graen dan Uhl-Bien, 1995; Khatoun Yousif Alansari, 2015; Wang dan Yi, 2011; Chernyak-Hai dan Tziner, 2014; Martin, Thomas, Guillaume, Lee dan Epitropaki, 2016; Lebron, Tabak, Shkoler dan Rabenu, 2018). Sebaliknya, pengikut dalam hubungan LMX berkualiti rendah sering mengalami sokongan terhad terhadap emosi dan kepercayaan, dan sedikit atau tiada ganjaran diluar kontrak pekerjaan (Harris, Kacmar dan Witt, 2005; Wang dan Yi, 2011; Lebron et al., 2018; Hidayat et al., 2021).

Penyelidikan oleh Eisenberger et al., (2010) menunjukkan bahawa perhubungan pekerja yang LMX berkualiti tinggi lebih komited untuk mencapai matlamat kerja, dan melaksanakan tugas seperti yang disarankan oleh pemimpin mereka. Dapatan penyelidikan keatas hotel pelancongan di Taiwan oleh Liao, Hu & Chung (2009) mendapati kualiti hubungan pemimpin-pekerja (LMX) yang baik mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap kepuasan kerja. Dengan kata lain, hubungan berkualiti tinggi antara pekerja dan penyelia akan meningkatkan kepuasan kerja (Usadolo, 2016), dan prestasi kerja (Gerdien, Eric & Hendrik, 2019). Oleh itu, gabungan penyelidikan menunjukkan LMX berkualiti tinggi memberi impak positif kepada pekerja (cth; Gerdien, Eric & Hendrik, 2019; Graen & Uhl-Bien, 1995; Usadolo, 2016), penyelia (cth; Boezeman & Ellemers, 2014; Northouse, 2001) dan organisasi (cth; Morrow et al., 2005).

### **Keadilan Interaksional (IJ)**

Mensah, Asiamah dan Mireku (2016), dan Suifan, Diab dan Abdallah (2017) mentakrifkan keadilan interaksional sebagai perasaan adil yang wujud dalam diri pekerja terhadap cara pengurus melayan dirinya, dan informasi yang diterimanya daripada pihak pengurusan. Keadilan interaksional melibatkan pelbagai tindakan yang sensitif dari segi sosial, seperti ketika penyelia memberi respon kepada pekerja dengan penuh harga diri dan rasa hormat (cth: memberikan penjelasan tentang sesuatu keputusan, penumpuan kepada keperihatinan pekerja, dan menunjukkan empati terhadap keadaannya) (Farid et al., 2019; Khan et al., 2018). Secara umum, keadilan interaksional mencerminkan kebimbangan tentang keadilan dari aspek interaksi yang tidak ditentukan secara prosedur. Oleh itu, para penyelidik telah mengenal pasti dua subkategori keadilan interaksional iaitu keadilan maklumat dan keadilan interpersonal (Folger dan Cropanzano, 1998). Manakala menurut Colquitt (2001), keadilan interaksional mempunyai dua dimensi iaitu kepekaan sosial (cth, menunjukkan keprihatinan dan rasa hormat

terhadap individu) dan kecukupan maklumat (cth, menyediakan maklumat yang relevan untuk membuat keputusan).

Penemuan terdahulu menunjukkan hubungan yang kuat antara persepsi keadilan di kalangan pekerja dan tingkah laku kerja yang positif, kerana kepercayaan merupakan komponen yang diperoleh apabila persepsi keadilan tertanam dalam pemikiran pekerja (Fatt et al., 2010; Mohammad et al., 2016). Justeru itu, hubungan antara keadilan dan kepercayaan juga boleh dijelaskan melalui teori pertukaran sosial (SET) (Blau, 2009), apabila pekerja merasakan interaksi yang tepat dan adil diterapkan dalam pelaksanaan keadilan, mereka akan membalasnya dengan tingkah laku kerja yang produktif (Sofiah, Mumtaz & Ramayah, 2018). Penyelidikan dalam konteks Malaysia telah mengesahkan hubungan yang signifikan terhadap persepsi keadilan melalui penerapan dan penyampaian yang berkesan kepada pekerja tentang peningkatan tingkah laku pekerjaan (cth., Fatt et al., 2010; Sofiah, Mumtaz & Ramayah, 2018; Mohammad et al., 2016; Crow, Lee, & Joo, 2012). Walau bagaimanapun, tiada penyelidikan dijalankan keatas hubungan antara keadilan interaksional dan keberhasianl kerja sukarelawan dalam NPO di Malaysia.

## **Pembangunan Hipotesis**

### **POS, LMX, dan Kepuasan Kerja Sukarelawan**

Rhoades & Eisenberger (2002) menegaskan keperluan sosio-emosi pekerja seperti sokongan emosi, penerimaan, harga diri, dan kemesraan perlu dipenuhi melalui sokongan organisasi. Memenuhi keperluan sosio-emosi oleh organisasi akan meningkatkan kepuasan kerja pekerja (Rhoades & Eisenberger, 2002). Selain daripada sumbangan POS kepada kepuasan kerja melalui memenuhi keperluan sosio-emosi, Rhoades & Eisenberger (2002) menegaskan POS juga berfungsi sebagai penanda aras kepada pekerja tentang kesediaan organisasi untuk membantu apabila diperlukan. Penyelidikan lepas menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara organisasi dan kepuasan kerja dalam kalangan pekerja bergaji (cth., Brunetto et al., 2012; Newman & Sheikh, 2012; Necdet & Halil, 2012; Mabasa, Ngirande & Shambare, 2016; Qaiser et al., 2021; Cote et al., 2021), dan sukarelawan dalam komuniti NPO (cth., Usadolo, 2016). Penyelidikan Paille, Grima & Dufour (2012) terhadap pekerja perkhidmatan awam mendapati hubungan positif antara POS dan kepuasan kerja. Manakala meta-analisis keatas pekerja bergaji oleh Rhoades & Eisenberger (2002) mendapati hubungan yang signifikan antara POS dan kepuasan kerja.

Erdogan & Enders (2007) mengesahkan bahawa pekerja yang hubungan LMX berkualiti tinggi; akan lebih berpuas hati berbanding pekerja yang hubungan LMX berkualiti rendah. Manakala pekerja yang hubungan LMX berkualiti rendah mengakibatkan kurangnya kepuasan terhadap pekerjaan mereka (Usadolo, 2016). Bukti daripada sorotan literatur mengesahkan hubungan LMX mempunyai kesan positif terhadap kepuasan kerja pekerja bergaji (Wang & Yi, 2011; Banks et al., 2014; Chernyak-Hai & Tziner, 2014; Schermuly & Meyer, 2016, Martin et al., 2016; Mohammed Saad Alshamrani, 2017; Lebron et al. 2019). Meta-analisis oleh Dulebohn et al. (2012) menyokong pandangan bahawa LMX mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pelbagai sikap dan tingkah laku kepuasan pekerja di tempat kerja. Manakala Bang (2011) menilai kesan LMX terhadap kepuasan kerja dan niat untuk kekal dalam organisasi dari perspektif pemimpin dan pengikut dalam kalangan sukarelawan sukan; mendapati kualiti LMX mempengaruhi kepuasan dan niat untuk kekal sebagai sukarelawan dalam organisasi.

Adalah diharapkan keberkesanan POS dan perhubungan LMX berkualiti tinggi akan berkait secara positif dengan kepuasan kerja sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia. Justeru, hipotesis dirumuskan sebagaimana berikut:

**Hipotesis 1:** POS adalah positif berkait dengan kepuasan kerja sukarelawan.

**Hipotesis 2:** LMX adalah positif berkait dengan kepuasan kerja sukarelawan.

### **Keadilan Interaksional sebagai Pengantara**

Keadilan interaksional merujuk kepada bagaimana penyelia melayan pekerja dalam organisasi berdasarkan harga diri, kesopanan, rasa hormat, dan kejujuran serta perkongsian maklumat (Bies & Tripp, 2001; Mensah, Asiamah & Mireku, 2016; Suifan, Diab & Abdallah, 2017). Proses pertukaran sosial dan keadilan interaksional saling berkaitan, berdasarkan perkongsian maklumat yang sesuai dan mengelakkan situasi yang tidak menyenangkan (Cropanzano & Greenberg, 1997; Bies & Moag, 1986). Folger & Cropanzano (2001) menekankan bahawa kecemerlangan komunikasi antara pengurus dan pekerja dikaitkan dengan keadilan interaksional, dan biasanya bergantung kepada bimbingan yang ditunjukkan oleh pengurus kepada pekerja.

Penyelidikan terdahulu telah menunjukkan bahawa apabila tahap kualiti POS adalah tinggi, ia akan mendorong peningkatan sukarelawan dalam penglibatan pekerja, dan menambah nilai kepada organisasi (Eisenberger et al., 1990; Wayne et al., 1997). Para penyelidik berpendapat, jika tahap POS pekerja berada pada tahap yang tinggi, mereka berasa bertanggungjawab untuk memberi ganjaran kepada organisasi dengan melakukan kerja di luar deskripsi kerja mereka (Rhoades dan Eisenberger, 2001; Rhoades et al., 2001). Mengenai kesan keadilan organisasi terhadap POS, Eisenberger et al. (1990) menyatakan bahawa beberapa faktor mempengaruhi POS pekerja, dan seterusnya mempengaruhi persepsi pekerja terhadap keadilan organisasi.

Walaupun terdapat penjelasan dan penyelidikan berkaitan hubungan antara POS, keadilan organisasi, dan kepuasan kerja (cth. Fatt et al., .2010). Namun tiada penyelidikan tentang peranan pengantaraan keadilan interaksional dalam hubungan antara POS dan kepuasan kerja dalam komuniti NPO. Justeru, penyelidikan ini akan meneroka peranan pengantaraan keadilan interaksional dalam menjelaskan hubungan antara POS dan kepuasan kerja sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia. Oleh itu, keadilan interaksional sukarelawan dijangka mempengaruhi pengaruh POS terhadap kepuasan kerja sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia.

Dalam penyelidikan ini, hipotesis berikut dirumuskan:

**Hipotesis 3:** Keadilan interaksional sukarelawan akan mengantara hubungan antara POS dan kepuasan kerja sukarelawan.

Pekerja menyediakan perkhidmatan yang berbeza untuk memperolehi hasil yang munasabah seperti gaji dan harga diri (Wang et al., 2010). Pekerja yang mempunyai kualiti perhubungan LMX yang tinggi mempunyai kecekapan yang lebih baik untuk meningkatkan kepuasan kerja (Gerstner dan Day, 1997). Walumbwa et al. (2011) menyatakan bahawa LMX adalah hubungan yang signifikan antara keadilan organisasi dan prestasi kerja. Choy et al. (2016) mengkaji kesan LMX terhadap prestasi kerja dengan peranan delegasi dan penyertaan. Manakala Breevaart et al. (2015) menjalankan penyelidikan di Belanda dan mendapati bahawa hubungan LMX yang tinggi meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja. Oleh itu, Choy et al. (2016) dan Breevaart et al. (2015) menekankan bahawa LMX telah meramalkan kepuasan pekerja secara langsung dan tidak langsung melalui peranan perwakilan dan penyertaan.



Penyelidikan terdahulu telah menunjukkan hubungan positif antara keadilan interaksional dan kepuasan pekerja (Cohen-Charash & Spector, 2001). Apabila pekerja merasakan mereka tidak dilayan secara adil, ia boleh membawa kepada hasil kerja yang negatif (Fatt et al., 2010; Crow et al., 2012). Keadilan interaksional juga didapati menjadi pengantara kepuasan pekerja (Gumusluoglu, Karakitapoglu-Aygun, & Hirst, 2013); LMX, sikap dan tingkah laku kerja (Bhal, 2006); LMX dan kepuasan kerja (Choy et al., 2016). Oleh itu, kepentingan hubungan interpersonal dalam membina kepercayaan perlu diambil kira bagi memudahkan persepsi keadilan. Apabila wujud persepsi negatif dalam hubungan interpersonal dan keadilan interaksional, maka ia telah melanggar kepercayaan tersebut yang akan mengakibatkan tingkah laku yang tidak produktif (Tomlinson, 2012).


Walaupun terdapat beberapa penyelidikan dalam literatur berkaitan hubungan antara LMX dan kepuasan kerja melalui perantaraan keadilan interaksional (cth., Choy et al., 2016; Gumusluoglu, Karakitapoglu-Aygun, & Hirst, 2013; Bhal, 2006), dan hubungan tidak langsung antara LMX dan keadilan organisasi (cth., Breevaart et al., 2015; Wang et al., 2010). Namun, tiada penyelidikan tentang peranan pengantaraan keadilan interaksional dalam hubungan antara LMX terhadap kepuasan kerja sukarelawan di NPO di Malaysia.

Justeru, penyelidikan ini akan menilai peranan pengantaraan keadilan interaksional dalam menjelaskan hubungan antara LMX dan kepuasan kerja sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia. Oleh itu, keadilan interaksional dijangka mempengaruhi kesan hubungan LMX terhadap kepuasan kerja sukarelawan dalam komuniti NPO di Malaysia. Dalam penyelidikan ini, hipotesis berikut dirumuskan:

**Hipotesis 4:** Keadilan interaksional sukarelawan akan mengantara hubungan antara LMX dan kepuasan kerja sukarelawan.

### Model Konseptual

Model konseptual yang dibina dalam penyelidikan ini berdasarkan latar belakang teoritikal, sorotan literatur, dan pembangunan hipotesis sebagaimana yang digambarkan dalam **Rajah 1**. POS dan LMX adalah pembolehubah bebas (IV), kepuasan kerja adalah pembolehubah bersandar (DV), manakala keadilan interaksional merupakan pemboleh pengantara (MV).



POS = Persepsi sokongan organisasi. LMX = Pertukaran pemimpin-pengikut.

Rajah 1: Model Konseptual

### Metodologi Penyelidikan

#### Konteks Penyelidikan

Kekurangan sokongan sukarelawan memberi kesan kepada pengejalan sukarelawan (Nur Hayati dan Noor Hazlina, 2022) dan telah menimbulkan banyak masalah seperti kecekapan, produktiviti, dan kesejahteraan ekonomi, dan merupakan isu utama bagi komuniti NPO

(Jonathan, 2017). Justeru, objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menentukan sejauh mana keadilan interaksional (IJ) mempengaruhi hubungan antara POS dan LMX keatas kepuasan kerja dalam konteks komuniti NPO di Malaysia.

### **Instrumen Tinjauan**

Dalam penyelidikan ini, data dikumpul melalui instrumen borang soal selidik tadbiran sendiri. POS diukur melalui soal selidik versi pendek yang dibangunkan oleh Eisenberger, Fasolo & Davis-LaMastro (1990). LMX diukur dengan LMX-7 dimensi-tunggal (Graen & Uhl-Bien, 1995), yang telah diubahsuai oleh Usadolo (2016). Manakala keadilan interaksional (IJ), pengubahsuaian dibuat keatas soal selidik yang dibangunkan oleh Bies & Moag (1986), dan Neihoff & Moorman (1993). Kepuasan kerja diukur melalui pengubahsuaian kepada soalan yang dibangunkan oleh (Lo Presti, 2013). Responden diminta menyatakan tahap persetujuan atau ketidaksetujuan mereka menggunakan soal selidik skala Likert enam mata. Penggunaan skala Likert enam mata adalah untuk mengelakkan masalah maklum balas yang terlalu banyak terhadap kenyataan "Saya tidak tahu", "Saya tidak pasti", "julat pertengahan", atau "neutral" (Zikmund, 2003), merupakan amalan biasa bagi kebanyakan orang Asia apabila memberi pilihan untuk dipilih (Ramlah Hussein, et al., 2007).

### **Prosidur Pengumpulan Data**

Sebanyak 120 borang soal selidik telah diedarkan secara bersemuka kepada sukarelawan komuniti NPO di Kelantan. Manakala sebanyak 80 borang soal selidik telah dihantar kepada dua NPO di Terengganu dan Pahang melalui pos dengan 40 borang setiap satu kepada penyelarasan yang dilantik oleh penyelidik. Daripada jumlah 200 borang yang diedarkan, sebanyak 127 borang berjaya dikumpul pada kadar respons 63.5%. Persampelan pelbagai peringkat dengan teknik persampelan kelompok, bukan rawak, berstrata dan bertujuan digunakan dalam penyelidikan ini.

### **Analisis Data dan Dapatan**

Penilaian model menggunakan aplikasi SmartPLS 3.2.8 dengan pendekatan dua peringkat (two-stage approach) digunakan untuk menguji hipotesis (Hair et al., 2017; 2014). Penilaian model merangkumi dua prosedur utama iaitu (i) penilaian model pengukuran dan (ii) penilaian model struktur (Hair et al., 2017, 2019; Urbach & Ahlemann, 2010; Ramayah et al., 2018). Model pengukuran dalam penyelidikan ini dilaksanakan secara reflektif melalui empat kriteria iaitu kebolehpercayaan petunjuk, kebolehpercayaan ketekalan dalaman, kesahan menumpu, dan kesahan diskriminan, manakala penilaian model struktur dinilai melalui pekali laluan, pekali penentuan (coefficient of determination) dan kesan saiz (Hair et al., 2017).

### **Model Pengukuran**

Penilaian model pengukuran terdiri daripada kebolehpercayaan ketekalan dalaman, kesahan konvergen, dan kesahan diskriminasi. Kebolehpercayaan ketekalan dalaman, dinilai melalui kebolehpercayaan komposit (CR), yang menunjukkan sama ada item yang digunakan dalam penyelidikan adalah boleh dipercayai (Sofiah, Mumtaz & Ramayah, 2018; Hair et al., 2019). Nilai kebolehpercayaan komposit antara 0.70 dan 0.90 secara amnya dianggap memuaskan, namun, nilai antara 0.60 hingga 0.70 juga boleh diterima dalam penyelidikan penerokaan (Hair et al., 2014). Dapatan menunjukkan semua beban luar (outer loadings) berada di atas nilai piawai (0.708), kecuali 10 item iaitu: IJ3, IJ4, IJ5, IJ7, IJ9, POS3, POS4, POS7, LMX2 dan LMX3 mempunyai nilai antara 0.6 dan 0.7. Walau bagaimanapun 8 item dikekalkan, kecuali IJ3 dan LMX3 di hapuskan kerana semua konstruk lain telah mencapai skor AVE yang memuaskan, dan penghapusan item tersebut boleh menimbulkan isu kesahan kandungan (Hair

et al., 2017). Rujuk **Jadual 1**. Keputusan model pengukuran menunjukkan semua konstruk menghasilkan kebolehpercayaan ketekalan dalaman (CR) yang boleh diterima iaitu; kepuasan kerja (0.894), keadilan interaksi (0.889) POS (0.885), dan LMX (0.874). Rujuk **Jadual 1**, Kesahan menumpu (convergent validity) merujuk kepada penilaian sejauh mana ukuran berkorelasi secara positif dengan ukuran alternatif bagi konstruk yang sama (Hair et al., 2014). Pengukuran korelasi dinilai dengan mengambil kira varians purata yang diekstrak (AVE) (Urbach & Ahlemann, 2010). Nilai AVE 0.5 atau keatas diperlukan untuk mencapai penerimaan kesahan menumpu (Hair et al., 2017). Memandangkan AVE dikaitkan dengan beban luar, maka nilai AVE hendaklan 0.708 atau lebih tinggi untuk mencapai sekurang-kurangnya 50% varians (Chin, 1998). Sebagaimana **Jadual 1**, keputusan model pengukuran menunjukkan semua konstruk kesahan menumpu (AVE) boleh diterima iaitu; kepuasan kerja (0.678), keadilan interaksional (0.500), POS (0.524), dan LMX (0.537).

**Jadual 1: Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman dan Kesahan Menumpu**

Konstrak	Item	Bebanan item	CR	AVE
Kepuasan kerja	JS1	0.825	0.894	0.678
	JS2	0.822		
	JS3	0.797		
	JS4	0.849		
Keadilan interaksional	IJ1	0.743	0.889	0.500
	IJ2	0.715		
	IJ4	0.697		
	IJ5	0.661		
	IJ6	0.712		
	IJ7	0.694		
	IJ8	0.743		
	IJ9	0.690		
	Persepsi sokongan organisasi	POS1		
POS2		0.810		
POS3		0.675		
POS4		0.664		
POS5		0.741		
POS6		0.749		
POS7		0.681		
Pertukaran pemimpin-pengikut	LMX1	0.734	0.874	0.537
	LMX2	0.696		
	LMX4	0.750		
	LMX5	0.732		
	LMX6	0.735		
	LMX7	0.748		

Kesahan diskriminan bertujuan membezakan pengukuran konstruk antara satu sama lain. Berbeza dengan kesahan menumpu, kesahan diskriminasi menguji sama ada item secara tidak sengaja mengukur sesuatu yang lain (Urbach & Ahlemann, 2010). Berdasarkan nisbah HTMT didapati kriteria korelasi kesahan diskriminan adalah lebih baik berbanding kriteria Fornell-Larcker dan cross-loading (Hair, et al., 2017). Justeru, untuk mencapai kesahan korelasi diskriminan pembolehubah konstruk, nilai HTMT hendaklah kurang daripada 0.90, manakala nilai melebihi 0.90 dianggap lemah (Henseler et al., 2009; Hair et al., 2019). Dalam erti kata

lain, nilai HTMT melebihi 0.90 menyerlahkan kekurangan kesahan diskriminan, dengan itu menunjukkan bahawa konstruk adalah sama secara konsep. Dalam penyelidikan ini, keputusan menunjukkan skor HTMT adalah kurang daripada 0.90, dengan itu menunjukkan semua konstruk penyelidikan ini (kepuasan kerja, keadilan interaksional, LMX, dan POS) adalah berbeza dari segi konsep (conceptually different) sebagaimana dalam **Jadual 2**.

**Jadual 2: Kesahan Diskriminan: kriteria HTMT**

Konstrak	IJ	JS	LMX	POS
IJ				
JS	0.813			
LMX	0.817	0.736		
POS	0.693	0.896	0.593	

IJ = Keadilan interaksional, JS = Kepuasan kerja, LMX = Pertukaran pemimpin-pengikut, POS = Persepsi sokongan organisasi.

### Model Struktur

Setelah pengesahan model pengukuran, model struktur dinilai untuk menguji model konseptual yang terdiri daripada empat hipotesis yang didorong secara teoritikal yang berbeza. Beberapa parameter termasuk pekali penentuan ( $R^2$ ), pekali laluan, dan saiz kesan ( $f^2$ ) telah dianggarkan, seperti yang dicadangkan oleh (Hair et al., 2017).  $R^2$  menilai kuasa ramalan model (Hair et al., 2010). Nilai  $R^2$  0.670, 0.333, dan 0.196 masing-masing digambarkan sebagai besar, sederhana dan lemah (Chin, 1998; Hair et al., 2014). Keputusan penyelidikan ini menunjukkan POS dan LMX bersama-sama menyumbang sebanyak 44.2% ( $R^2 = 0.442$ ) varians keatas kepuasan kerja, sekali gus mencadangkan tahap sederhana terhadap kuasa ramalan model.

Saiz Kesan ( $f^2$ ) mengukur dan menilai kesan substantif konstruk eksogen tertentu keatas konstruk endogen (Hair et al., 2017). Garis panduan ( $f^2$ ) oleh Hair, et al. (2017) adalah; 0.02, 0.15, dan 0.35, masing-masing menunjukkan kesan kecil, sederhana dan besar, untuk menilai saiz kesan konstruk eksogen. Keputusan menunjukkan POS tidak mempunyai kesan keatas kepuasan kerja ( $f^2 = 0.000$ ), manakala LMX mempunyai kesan kecil terhadap kepuasan kerja ( $f^2 = 0.021$ ). Keputusan kesan langsung menunjukkan pekali laluan ( $\beta$ ) POS mempunyai kesan keatas kepuasan kerja (H1:  $\beta = 0.316$ ,  $t = 3.253$ ,  $p = 0.001$ ), dan LMX memberi kesan kepada kepuasan kerja (H2:  $\beta = 0.271$ ,  $t = 2.412$ ,  $p = 0.016$ ). Dapatan penyelidikan menunjukkan hubungan yang signifikan antara POS, LMX, dan kepuasan kerja. Justeru, H1 dan H2 diterima sebagaimana **Jadual 3**.

